

SEJARAH - TINGKATAN 3

Ancaman Parti Komunis Malaya dan Darurat



PETA KONSEP



PENGENALAN

1. Fokus pembelajaran bab ini ialah pelajar mempelajari bagaimana pihak komunis cuba menggulingkan pemerintahan yang sedia ada dan digantikan dengan **Republik Komunis Malaya**.
2. Selain itu, kita juga akan melihat kesungguhan kerajaan membanteras ancaman komunis mewujudkan **keamanan dan kesejahteraan**.
3. Kerajaan memerlukan **sokongan padu rakyat** untuk menghapuskan penganas komunis.
4. **Permuafakatan** yang terjalin di antara rakyat dan kerajaan merupakan senjata yang paling berkesan untuk menghadapi bahaya fahaman komunis.

PENYUSUPAN DAN KEGIATAN PENGGANAS KOMUNIS

1. **Pengasas** fahaman komunis ialah **Karl Marx** yang mengasaskan fahaman ini pada pertengahan abad ke-19.
2. **Komunisme** adalah suatu fahaman yang menentang golongan pemerintah **tradisional, feudal** dan **imperialis** secara kekerasan.
3. Tujuan penentangan ini ialah untuk **menggantikan pemerintahan tersebut** dengan pemerintahan yang berasaskan fahaman komunis.
4. Komunis memperjuangkan **masyarakat tanpa kelas, memiliki negara tanah dan perindustrian**.
5. Negara-negara yang mengamalkan fahaman komunis ialah Rusia dan China.

6. Penyebaran ideologi komunis ke seluruh dunia bermula pada bulan Julai 1919, iaitu apabila **Comintern** mengarahkan parti-parti komunis di Eropah menyebar ideologi tersebut.



Cara Penyusupan

1. Fahaman komunis disebarluaskan di Tanah Melayu memalui **Parti Kuomintang (KMT)** dan **Parti Komunis Nanyang**.
2. Penyebaran dakyah komunis dilakukan oleh ejen komunis di kalangan orang Cina melalui **kesatuan sekerja, persatuan-persatuan, kelas-kelas malam dan penerbitan**.
3. Fahaman Komunis cuba disebarluaskan di kalangan orang Melayu melalui **Parti Komunis Indonesia (PKI)** pada tahun 1924 sehingga tahun 1930.
4. Walau bagaimanapun, orang Melayu tidak tertarik dengan fahaman komunis kerana fahaman ini **bertentangan dengan agama Islam dan adat resam orang Melayu**.
5. Fahaman komunis juga tidak mengakui kewujudan Tuhan (ateis).
6. Selain itu, komunis juga menggunakan **kekerasan** dan **kezaliman** demi mencapai sesuatu matlamat.



Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)

PKM sebelum Perang Dunia Kedua

1. Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 1930.
2. Tujuan penubuhan PKM ialah membentuk sebuah Republik Komunis Malaya.
3. Ramai **kader** yang dilantik oleh PKM menyusup masuk ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja.
4. Komunis juga cuba bertapak di Sarawak tetapi gagal.
5. Menjelang tahun 1953, PKM menjadi **semakin kuat**.
6. PKM telah melancarkan **mogok** dan **sabotaj** bertujuan untuk melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu.
7. Pemogokan yang paling hebat ialah di lombong arang batu di **Batu Arang, Selangor**.
8. Sebanyak 6000 orang buruh telah melancarkan **mogok** dan mengambil alih lombong tersebut.
9. Kerajaan British telah menghantar 300 orang anggota polis untuk mematahkan pemogok tersebut
dan ramai pemimpinnya dihantar pulang ke **China**.
10. Ekoran pemogokan tersebut, PKM telah **diharamakan** dan ramai pemimpinnya ditahan.



Pekan Batu Arang, Selangor menjadi lokasi pemogokan PKM.

PKM Semasa Pendudukan Jepun


1. Pada 8 Disember 1941, jepun menyerang Tanah Melayu.
2. PKM telah melancarkan kerjasama dengan British untuk menentang Jepun.
3. Anggota-anggota PKM telah dilatih di **Sekolah Latihan Khas 101** di Singapura dalam taktik perang gerila.
4. Sekolah ini menjadi **teras** kepada pasukan gerila bagi menentang tentera Jepun di Tanah Melayu.
5. PKM kemudian membentuk **Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJA)**.
6. British telah membekalkan senjata kepada pasukan tersebut melalui **Force 136**.
7. British telah **membubarkan MPAJA** apabila Jepun menyerah kalah.
8. MPAJA diminta **menyerahkan** semula senjata mereka kepada pihak Pentadbiran Tentera British (**BMA**).
9. PKM bersetuju untuk membubarkan MPAJA, tetapi mereka tidak menyerahkan semua senjata, sebaliknya telah **menyembunyikan** sebahagian senjata di dalam hutan.
10. Seramai 6800 anggota PKM telah menyerahkan senjata mereka dan setiap anggota dibayar sebanyak **\$350** berserta **satu beg beras** daripada British.
11. PKM kemudian telah menyusup dalam **kesatuan sekerja** dan mula terlibat secara aktif dalam pergerakan politik.

Keganasan Komunis

1. Keganasan Komunis di negara kita bermula pada tahun 1948, apabila **Jawatankuasa Pemuda Komunis Antarabangsa** bermesyuarat di Calcutta, India yang mengambil keputusan untuk melancarkan pemberontakan di Rantau Asia Tenggara.
2. Hasil daripada mesyuarat tersebut, PKM dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan unit gerila yang dikenali **Malayan Race Liberation Army (MRLA)**.
3. Walau bagaimanapun, orang Melayu yang pernah merasai keganasan pemerintah

'Tentera Bintang'

- Tiga' tidak terpengaruh dengan helah dan propaganda PKM.
4. Namun, terdapat **segelintir** orang Melayu yang telah menyertai MRLA kerana bencikan penjajah.
 5. Pemberontakan PKM bermula dengan menyerang ladang dan lombong yang dimiliki Syarikat Eropah.
 6. Contohnya, gerakan pengganas komunis ini telah memusnahkan sebuah ladang di Kampung Simpang Tiga, Sitiawan, Perak kerana penduduknya enggan bekerjasama dengan komunis.
 7. Komunis telah menjalankan aktiviti keganasan dengan menyerang balai-balai polis, membakar kilang-kilang, membakar bas, mengalih landasan kereta api supaya kereta api tergelincir dan membunuh mereka yang bekerjasama dengan British.



Menunjukkan gambar gerakan sabotaj oleh PKM ke atas landasan kereta api yang menyebabkan kereta api tergelincir daripada landasannya.

LANGKAH MEMBANTERAS ANCAMAN KOMUNIS

1. Pada bulan Jun 1948, komunis telah bertindak kejam membunuh **tiga orang peladang Eropah** di Sungai Siput, Perak.
2. Peristiwa tersebut telah **menggemparkan** tentera British.
3. Ekoran peristiwa tersebut, pada bulan Julai 1948, Pesuruhjaya Tinggi British, **Sir Edward Gent** telah mengisyiharkan **darurat** di seluruh Tanah Melayu.
4. Kerajaan telah menguatkuasakan **Undang-undang Darurat 1948** yang membolehkan kerajaan menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan kegiatan komunis.
5. Melalui akta ini, pasukan keselamatan boleh **menggeledah rumah kediaman, memindahkan penduduk** ke petempatan baharu atau **memagar kampung** yang disyaki ada membantu pengganas komunis.

Undang-undang Darurat 1948

- ▼ Menahan sesiapa sahaja yang **disyaki**, **tanpa bicara** dalam tempoh dua tahun.
- ▼ **Melarang sebarang**
Penulisan, penerbitan dan penjualan mana-mana dokumen, poster atau sepanduk yang boleh menimbulkan suasana menghasut mengikut pandangan polis.
- ▼ **Kerajaan boleh menduduki**
mana-mana bangunan, rumah atau kenderaan bagi tujuan menjaga keamanan.
- ▼ **Membuat kawalan** ke atas semua jalan raya.
- ▼ **Meleraiakan sebarang bentuk** perhimpunan.
- ▼ **Menguatkuasakan** perintah berkurung.
- ▼ **Menangkap** sesiapa sahaja yang disyaki adalah komunis atau membantu komunis.

Pengharaman parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Berhaluan Kiri

1. Parti Komunis Malaya (PKM) ialah parti yang **diharamkan** oleh kerajaan.
2. Selain PKM, kerajaan British juga mengambil kesempatan mengharamkan parti-parti politik berhaluan kiri seperti :
 - (a) **Angkatan Wanita Sedar (AWAS)**
 - (b) **Ikatan Pemuda di Tanah Air Melayu (PETA)**
 - (c) **Pemuda Radikal Melayu (PERAM)**
 - (d) **Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)**
 - (e) **Hizbul Muslimin**
3. Antara pemimpin-pemimpin politik berhaluan kiri ini ialah Shamsiah Fakeh, Ahmad Boestamam, Burhanuddin al-Helmy dan Ghulam Othman.

Memperbesarkan Pasukan Keselamatan

1. Dalam usaha membanteras komunis, kerajaan juga telah mempebesarkan pasukan **askar** dan **polis**.
2. Seramai 40 000 tentera termasuk 13 batalion askar **Melayu**, **Gurkha** dan **British** telah ditugaskan memerangi tentera komunis.
3. British juga membawa masuk **askar Komanwel** terutamanya dari **Australia**, **New Zealand**, **Afrika Timur** dan **Fiji** bagi menghapuskan pemberontakan komunis di Tanah Melayu.
4. Selain itu, kerajaan juga bertindak menukuhkan pasukan **Home Guard** di peringkat kampung untuk membantu pasukan polis dan tentera untuk menjaga keselamatan.
5. Anggota **Home Guard** ini terdiri daripada kaum **lelaki** dan **wanita**.
6. Penubuhan **Home Guard** telah **meningkatkan semangat** yang berkobar-kobar di kalangan rakyat.

- untuk mempertahankan negara.
7. Beribu-ribu orang Melayu termasuk kaum wanita secara rela telah menyahut seruan kerajaan supaya menyertai pasukan *Home Guard*.
 8. Kesanggupan dan keberanian orang Melayu melawan pengganas komunis secara berhadapan amat mengagumkan Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu.
 9. Selain itu, pasukan keselamatan juga mengebom sasaran komunis dengan bantuan Tentera Udara British (RAF).
 10. Serangan hendap kawasan yang menjadi sasaran komunis juga dijalankan kerana pengganas komunis jarang bertempur secara berdepan.



Pasukan '*Home Guard*' ditubuhkan bagi mengawal kampung daripada ancaman pengganas komunis.




Pasukan *Home Guard* bekerjasama dengan anggota keselamatan dan polis mengadakan sekatan jalan raya bagi memulihkan keamanan.

Usaha-usaha melawan komunis

- ▼ Memperbesarkan pasukan polis dan tentera.
- ▼ Memerangi pengganas komunis di dalam hutan.
- ▼ Membawa masuk askar Komanwel dari Australia, New Zealand, Afrika Timur dan Fiji.
- ▼ Menubuhkan pasukan *Home Guard*.
- ▼ Membuat **sekatan jalan raya** dan **memeriksa kad pengenalan** penumpang bas untuk mengesan pengganas komunis.
- ▼ Menubuhkan **semata-mata khas** Melayu (*Special Constable*), iaitu seramai 24 000 untuk mengawal ladang dan lombong.
- ▼ Menggunakan helikopter untuk **menggempur** sarang pengganas di hutan.
- ▼ Mengebom dan mengadakan **serangan hendap**.

11. Mereka berselindung di dalam hutan yang tebal dan melancarkan serangan terhadap pasukan keselamatan secara **perang gerila**.



Tugu Peringatan Negara didirikan bagi memperingati jasa dan pengorbanan tentera Melayu dalam menentang pengganas komunis.

Rancangan Briggs

Kampung Baru

1. Pada tahun 1950, Sir Henry Gurney telah melancarkan Rancangan Briggs.
2. Lettenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs telah dilantik menjadi Pengarah Operasi rancangan tersebut.
3. Tujuan rancangan ini ialah untuk menempatkan semula penduduk di kawasan pinggir hutan ke kawasan petempatan baharu.
4. Kawasan petempatan ini dikenali sebagai Kampung Baru.
5. Rancangan Briggs ini bertujuan untuk menyekat bekalan makanan, wang, maklumat dan ubatan daripada sampai ke tangan pihak komunis.
6. Dengan cara ini, gerakan Min Yuen dapat dilumpuhkan.
7. Seramai 400 000 orang setinggan Cina telah dipindahkan ke 400 buah kawasan Kampung Baru di seluruh Tanah Melayu melalui rancangan ini.
8. Kampung Baru ini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tempat tinggal, sekolah, kemudahan kesihatan, bekalan elektrik dan air.
9. Kawalan ketat dikenakan ke atas kampung baru seperti dipagar dengan kawat berduri dan dijaga oleh Special Constable (SC).




Sir Harold Rowdon
Briggs, Pengarah
Operasi Rancangan
Briggs.

Program 'Gerakan Kelaparan'

1. Setiap ketua keluarga diberi **kad catuan makanan** untuk memastikan mereka memperoleh bekalan makanan secukupnya.
2. Aktiviti penduduk seperti **pergerakan keluar masuk** penduduk di kawasan Kampung Baru dikawal selia pada setiap masa.
3. Selain itu, kerajaan juga melaksanakan **program 'Gerakan Kelaparan'** di bawah Rancangan Briggs.
4. Program ini bertujuan untuk memastikan pihak komunis tidak mendapat sebarang bekalan **makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan**.

Penubuhan MCA

1. Untuk menjaga kebijakan dan membantu penduduk setinggan Cina menjalani kehidupan di Kampung Baru, Briggs menyokong penubuhan **Malayan Chinese Association (MCA)**.
2. MCA telah menjalankan **kutipan derma** melalui jualan loteri kebijakan dan wang kutipan jualan loteri tersebut didermakan kepada penduduk setinggan Cina di Kampung Baru.



Kawasan berlorek menunjukkan kawasan petempatan setinggan Cina di Kampung Baru.

Sekatan jalan raya

1. Sekatan jalan raya telah diadakan setiap pelusuk bagi mencegah bekalan makanan, ubat-ubatan dan maklumat daripada jatuh ke tangan pihak komunis.
2. Tanpa makanan dan ubat-ubatan, komunis terpaksa keluar dari tempat persembunyian mereka untuk mendapatkan bekalan.
3. Ketika itu, pasukan keselamatan telah bersedia untuk menggempur mereka.

Sistem pendaftaran kebangsaan

1. Melalui Rancangan Briggs juga kerajaan telah memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan untuk mengawal pergerakan penduduk.
2. Setiap penduduk yang berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan untuk membezakannya dengan pengganas komunis.

Kesimpulan

1. Ternyata Rancangan Briggs berkesan dalam melumpuhkan rangkaian PKM.
2. PKM mula merasakan sokongan rakyat terhadap perjuangannya semakin merosot.
3. Oleh itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat PKM di Pahang, PKM mengambil keputusan untuk mengambil semula hati rakyat kepada PKM dengan mengurangkan kekejaman terhadap orang awam.
4. Mereka berundur ke selatan Thailand untuk sementara waktu bagi mengelak daripada serangan tentera kerajaan.



Pengukuhan Minda



Perang Saraf

1. Perang saraf adalah suatu **kempen 'memenangi hati dan fikiran rakyat'** yang dilaksanakan oleh **pentadbiran British** untuk **membasmi penganas komunis**.
2. Kempen ini lebih memberi perhatian kepada **aspek psikologi** untuk mendapat kerjasama rakyat supaya menyokong kerajaan membanteras penganas komunis.
3. Perang Saraf berjaya **memujuk rakyat** negara ini yang berbilang kaum supaya bersatu serta menghapuskan perasaan perkauman.
4. **Sir Gerald Templer** telah dilantik menjadi **Pesuruhjaya Tinggi Melayu** dan **Pengarah Gerakan** bagi menggantikan Sir Henry Gurney.
5. Sir Gerald Templer berpendapat penggunaan kekerasan dan senjata semata-mata tidak akan berjaya menghapuskan komunis.
6. Beliau menumpukan usaha yang lebih bagi **memenangi hati dan fikiran rakyat** supaya bersama-sama membantu kerajaan menghapuskan komunis.
7. Beliau sendiri telah turun padang serta **melawat kawasan** yang terkenal dengan kegiatan penganas komunis.


Kempen

1. Kempen yang dijalankan seperti '**Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis**', dilaksanakan dengan jayanya.
2. Kesan daripada kempen tersebut, seramai 500 000 orang penduduk pelbagai kaum telah bersama-sama membawa **sepanduk** mengutuk keganasan komunis.
3. Dalam kempen tersebut mereka turut membakar patung-patung komunis.
4. **Risalah-risalah** yang menentang komunis juga turut diedarkan di setiap pelosok Tanah Melayu.
5. Perang Saraf yang dilancarkan oleh kerajaan ini ternyata dapat menimbulkan **kebencian** terhadap

- kekejaman komunis.
6. Mereka yang dahulunya takut menentang komunis, kini menjadi berani.
 7. Mereka juga dengan rela hati menawarkan diri menyertai pasukan keselamatan dan polis untuk mempertahankan tanah air.

Kawasan hitam dan putih

1. Sir Gerald Templer juga memperkenalkan konsep 'kawasan hitam' dan 'kawasan putih' di bawah Rancangan Perang Saraf.
2. **Kawasan hitam** ialah kawasan terdapatnya kegiatan pengganas komunis yang aktif.
3. **Kawasan putih** pula ialah kawasan yang telah dibebaskan daripada ancaman pengganas komunis.



Undang-undang Kewarganegaraan

1. Selain itu, untuk meraih sokongan orang Cina agar menyokong usaha Perang Saraf, Templer telah memperkenalkan **Undang-undang Kewarganegaraan 1952**.
2. Undang-undang ini membolehkan seramai **1 200 000 orang Cina** dan **180 000 orang India** menjadi warganegara Tanah Melayu.
3. Kelonggaran syarat kewarganegaraan ini juga menunjukkan **pengorbanan** orang Melayu terhadap kaum lain demi perpaduan dan kesejahteraan rakyat.
4. Ini secara langsung membuka ruang kepada setiap kaum untuk bersikap **tolak ansur** dan **bertimbang rasa** dalam pelbagai bidang kehidupan.

Menawarkan hadiah

1. Templer telah **menaikkan** jumlah hadiah yang ditawarkan kepada rakyat yang berjaya menangkap atau memberi maklumat berkaitan gerila komunis.
2. Tawaran hadiah sebanyak \$25 0000 ditawarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap **Chin Peng** sama ada hidup atau mati.
3. Selain itu, tawaran juga diberikan bagi mereka yang menangkap atau yang membunuh orang kanannya, iaitu sebanyak \$200 000.

Menyekat belakan makanan

1. **Tugas penting** Templer ialah menguat kuasakan peraturan supaya bekalan makanan tidak sampai ke tangan pengganas komunis.
2. Akhirnya pengganas yang terdesak terpaksa manam makanan sendiri di dalam hutan.
3. Walau bagaimanapun, pasukan keselamatan telah menggagalkan usaha mereka dengan memusnahkan tanaman tersebut menggunakan racun.

Sering diuar-uarkan

1. Sultan dan Menteri Besar bagi setiap negeri sering menguar-uarkan penentangan terhadap komunis.
2. Contohnya, Sultan Pahang sering mengingatkan rakyatnya supaya tidak terpedaya dengan janji-janji komunis.
3. Orang Melayu yang membantu dan menyokong komunis dianggap sebagai pengkhianat negara dan agama.
4. Menteri Besar Pahang juga mengingatkan rakyat supaya tidak melupakan kekejaman Tentera Bintang Tiga selepas Jepun menyerah kalah di Tanah Melayu.
5. Menyokong pihak komunis ini seolah-olah merobohkan bangsa Melayu kita sendiri.
6. Dato' Onn sering mengingatkan orang ramai supaya jangan menyokong tetapi bersama-sama menghapuskan komunis.
7. Kerajaan telah memikir dan berusaha menimbulkan kebencian rakyat terhadap komunis dengan menukar perkataan '**komunis**' kepada '**pengganas**'.



Pengukuhkan Minda

Menawarkan hadiah

- ♦ Menaikkan jumlah hadiah
- ♦ Tawaran \$250 000 untuk menangkap Chin Peng, hidup atau mati.
- ♦ Tawaran \$200 000 untuk menangkap atau membunuh orang kanan Chin Peng.

Menuar-uarkan penentangan

- ♦ Sultan Pahang – Sering mengingatkan rakyatnya jangan terpedaya dengan janji-jani komunis.
- ♦ Menteri Besar Pahang – Mengingatkan orang ramai tidak melupakan kekejaman komunis ketika Tentera Bintang Tiga mengganas.
- ♦ Dato' Onn Ja'afar – Menyeru kepada semua rakyat membantu kerajaan menghapuskan komunis.




Pengukuhkan Minda

Rancangan	Pengerusi	Strategi	Kesan
Pertahanan	-	<ul style="list-style-type: none"> ⊗ Meminta bantuan ketenteraan daripada negara-negara Komanwel. ⊗ Menggunakan kad pengenalan. ⊗ Mengadakan perintah berkurung 	Australia, New Zealand, Fiji, Afrika Timur dan askar Gurkha ditugaskan mengawal keselamatan negara.
Rancangan Briggs	Sir Harold Briggs	<ul style="list-style-type: none"> ⊗ Memindahkan rumah setinggan di pinggir hutan ke kawasan Kampung Baru. ⊗ Gerakan Kelaparan. 	<ul style="list-style-type: none"> ⊗ Min Yuen tidak dapat bergerak dan terputus hubungan dengan PKM. ⊗ Catuan makanan menyebabkan komuniti kelaparan.
Perang Saraf	Sir Gerald Templer	<ul style="list-style-type: none"> ⊗ Mengisytiharkan 'kawasan putih' dan 'kawasan hitam'. ⊗ Meminda Undang-Undang Kewarganegaraan. ⊗ Menawarkan hadiah. 	<ul style="list-style-type: none"> ⊗ Melaka diisytiharkan sebagai kawasan putih yang pertama. ⊗ Pengampunan beramai-ramai. ⊗ Pemberian kerakyatan dilonggarkan.

Pengampunan Beramai-ramai

1. Pelbagai usaha dilakukan untuk menggalakkan pengganas komunis menyerah diri :
 - (a) Menggugurkan **risalah-risalah** ke dalam hutan kerana kerajaan mengetuai ramai anggota komunis yang dipaksa menyertai perjuangan yang sia-sia ini.
 - (b) Sebanyak 40 juta risalah dan 12 juta pas pengampunan yang telah dicetak dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Cina, Melayu serta Tamil digugurka dari udara.
 - (c) **Media massa** iaitu Radio Malaya, hari menyiarkan syarat tawaran pengampunan.
 - (d) **Poster** juga ditampalkan di merata-rata tempat.
 - (e) **Iklan** dan **wayang gambar** telah digunakan untuk membanteras rakyat menolong pengganas menyerah diri.
 - (f) Usaha bersungguh-sungguh **Tunku Abdul Rahman** yang mengadakan lawatan ke daerah-daerah bagi menerangkan kepada rakyat tawaran kerajaan itu.



Kesimpulan

1. Usaha kerajaan dan rakyat untuk membanteras komunis sangat berkesan.

2. Ramai pengganas berjaya **dibunuh** dan hidup **menderita** kerana diburu oleh pasukan keselamatan.
3. PKM mula menyedari yang perjuangan mereka **tidak disokong** oleh rakyat.
4. Tahap moral diri mereka dari sehari ke sehari semakin **lemah** dan **merosot**.
5. Pelbagai usaha dilakukan secara berterusan tanpa mengenal jemu telah berjaya meyakinkan rakyat betapa bahayanya fahaman komunis terhadap keharmonian dan kesejahteraan rakyat masyarakat berbilang kaum di negara kita.
6. Seluruh masyarakat berganding bahu memastikan agar masyarakat berbilang kaum di negara ini tidak diganggu oleh fahaman komunis.

Pengukuhkan Minda

Perang saraf

Tujuan

- Memenangi hati dan fikiran rakyat.



DECLARATION OF AMNESTY

To all who have taken up arms against the Government of the Federation of Malaya and those who have consorted with them.


- 1 The government, representing the people of Malaya, make a declaration of amnesty on the following terms.*
- 2 Those of you who come in and surrender will not be prosecuted for any offence.....*
- 3 You may surrender how and to whom you like including to members of the public.*
- 4 There will be no general 'ceasefire'.....*
- 5 The government will conduct investigations on those who surrender.*

*Tunku Abdul Rahman Putra
Chief Minister
Federation of Malaya
On Behalf of the High Commissioner of the
Federation of Malaya.
9th September 1955*

Risalah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang digugurkan di kawasan hutan yang aktif dengan kegiatan komunis untuk menawarkan pengampunan beramai-ramai kepada mereka yang menyerah diri.

Pertemuan Baling

1. Dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 yang diadakan di Tanah Melayu, Parti Perikatan telah mengemukakan manifesto yang **menjanjikan kemerdekaan segera supaya darurat dapat ditamatkan**.
2. Tunku Abdul Rahman berjanji yang beliau akan membuat **rundingan** dengan pihak komunis jika beliau diberi mandat.
3. Parti Perikatan berjanji mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu sebelum darurat tamat.
4. Chin Peng sendiri telah menulis sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan perjumpaan.
5. Perjumpaan akhirnya berjaya diadakan pada **28 dan 29 Disember 1955**.



Lokasi Baling, Kedah iaitu tempat Pertemuan Baling antara Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng pada tahun 1955.



Rombongan wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, David Marshall dan Tan Cheng Lock.



Rombongan PKM yang terdiri daripada Chin Peng, Chien Tien dan Rashid Maidin tiba di Sekolah Kebangsaan Baling.




6. Dalam perjumpaan tersebut, **Tunku Abdul Rahman menawarkan pengampunan** sekiranya mereka bersetuju meletakkan senjata tanpa syarat.
7. **Chin Peng pula mengenakan syarat**, iaitu PKM hanya akan meletakkan senjata dan menyerah diri sekiranya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai sebuah **parti politik yang sah**.
8. Pertemuan Baling 1955 **gagal** kerana Tunku Abdul Rahman enggan **bertolak ansur** dengan syarat yang dikemukakan oleh Chin Peng.
9. Tunku Abdul Rahman menyedari bahawa fahaman komunis **tidak sesuai** dengan kehidupan masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita.
10. Walau bagaimanapun, Tunku **bersedia berunding** dengan PKM pada bila-bila masa jika PKM bersedia berubah fikiran.
11. Tanah Melayu mencapai **kemerdekaan** sebelum Undang-undang Darurat ditamatkan.
12. Setelah mencapai kemerdekaan, pengaruh komunis semakin merosot dan ini membolehkan kerajaan mengisytiharkan **tamatnya darurat** pada 31 Julai 1966.

LANGKAH KESAN DARURAT

Zaman darurat telah membawa pelbagai kesan ke atas penduduk Tanah Melayu terutamanya dalam bidang :

- (a) Politik
- (b) Ekonomi
- (c) Sosial



Kesan Politik

1. Kerajaan terpaksa menguatkuasakan **Undang-undang Darurat 1948** akibat kekejaman dan keganasan pihak komunis.
2. Kerajaan British telah mengambil kesempatan untuk melaksanakan undang-undang ini demi membendung **gerakan kebangsaan berhaluan kiri** walaupun mereka bukan berfahaman komunis.
3. Orang Cina menyokong **perjuangan** komunis kerana mereka merasakan mereka tidak ada tempat di Tanah Melayu.
4. Kerajaan British pula berpendapat, syarat kerakyatan perlu dilonggarkan untuk memberi peluang kepada orang bukan Melayu terutamanya masyarakat Cina menjadi warganegara Tanah Melayu.
5. Oleh itu pada tahun **1952**, kerajaan telah melonggarkan syarat kerakyatan tersebut.
6. Tujuannya ialah **untuk memenangi hati** dan **meraih sokongan** masyarakat Cina agar menyokong kerajaan memerangi pengganas komunis.
7. Darurat juga menjadi penyokong utama kerajaan British menyegerakan pemberian **taraf kerajaan sendiri** kepada penduduk tempatan.
8. Oleh itu, Pilihan Raya Umum Persekutuan Tanah Melayu 1955 telah diadakan dan dimenangi oleh **Parti Perikatan**, iaitu Gabungan Parti **UMNO, MCA** dan **MIC** bagi mempercepatkan proses rundingan kemerdekaan.
9. Sejurus sebelum **Pertemuan Baling** diadakan British telah berjanji akan menyegerakan pemberian kemerdekaan.
10. Melalui pemberian kemerdekaan, PKM **tidak mempunyai alasan** lagi untuk meneruskan perjuangan mereka secara kekerasan kerana matlamat mereka adalah untuk menghalau penjajah.
11. Perjuangan secara kekerasan selalunya **menemui kegagalan** dan **tidak mendatangkan hasil** yang diharapkan.
12. Strategi menggunakan kekerasan dalam perjuangan lebih **menakutkan lagi rakyat**, malah menimbulkan **kebencian** terhadap rakyat.
13. Rakyat yang tidak tahan dengan keganasan atau tindak-tanduk PKM akan berpaling tадah dan memberi sokongan kepada kerajaan.
14. Kesannya, PKM semakin tertekan kerana perjuangan parti mereka adalah sia-sia sahaja.

Pengukuhan Minda

Kesan darurat terhadap politik

Kerajaan menguatkuasakan **undang-undang Darurat 1948** yang menyusahkan rakyat.

Kerajaan **melonggarkan syarat kerakyatan** untuk meraih sokongan masyarakat Cina.

Menyegerakan langkah memberi **taraf berkerajaan sendiri** dan mempercepatkan kemerdekaan.

Perjuangan komunis secara kekerasan menakutkan rakyat dan **menimbulkan kebencian** terhadap PKM.

Kesan Ekonomi

1. Kekejaman dan **keganasan** komunis menyebabkan rakyat tidak dapat menjalankan kegiatan harian dengan aman.
2. Pengeluaran sumber ekonomi negara **terjejas** kerana kemusnahan sistem perhubungan, jentera melombong, kemudahan awam dan gangguan terhadap buruh ladang.
3. Kerajaan **membelanjakan** 1.4 bilion dalam tempoh 12 tahun dan sebanyak 721.9 juta telah digunakan bagi membeli peralatan ketenteraan bagi **mengukuhkan sistem pertahanan**.
4. Kerajaan terpaksa **memperbesarkan** pasukan keselamatan, menambah bilangan anggota polis dan pasukan *Home Guard* untuk memberi **perlindungan** dan **jaminan keselamatan** kepada rakyat.
5. Kesannya, kerajaan **kurang memberi perhatian** terhadap usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar terutamanya orang Melayu kerana tumpuan lebih kepada pembangunan di Kampung Baru.



Kesan Sosial

1. Darurat telah menyebabkan ramai yang terkorban termasuk pasukan keselamatan, pengganas komunis mahupun orang awam.
2. Menjelang akhir tahun 1950-an, sejumlah **21 231 orang** awam dan tentera yang terbunu.
3. Pihak pengganas komunis yang terkorban pula ialah seramai **6133 orang**.
4. Peperangan yang berlangsung selama **12 tahun** ini telah membawa **kesengsaraan** kepada kehidupan penduduk Tanah Melayu.
5. Penduduk juga menghadapi pergerakan yang terbatas dan sukar memperoleh bekalan makanan kerana mereka perlu mematuhi pelbagai undang-undang yang dikenakan oleh kerajaan.
6. Akibat **perintah berkurung** juga, ramai pekebun kecil tidak dapat mengusahakan kawasan pertanian mereka.
7. Rakyat juga terpaksa bergantung kepada makanan iaitu ubi dan keledek seperti yang dialami semasa zaman Jepun kerana **catuan** ke atas bekalan makanan oleh pihak kerajaan.
8. Selain itu, zaman darurat juga memberi kesan penting kepada **masalah hubungan kaum** di Tanah Melayu.
9. Ini adalah kerana sebilangan besar pengganas komunis ialah orang Cina dan sebahagian besar pasukan keselamatan pula dianggotai oleh orang Melayu.
10. Oleh itu, keadaan ini seolah-olah sebagai satu peperangan antara kaum.
11. Keadaan ini menyebabkan **Dato' Onn bin Ja'afar**, **Tan Cheng Lock** dan **E.E.C. Thuraisingam** menubuhkan **Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum** atau **Community Liason Committee (CLC)** untuk

meredakan ketegangan hubungan antara kaum tersebut.

12. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menjalinkan hubungan erat di kalangan penduduk yang berbilang kaum di Tanah Melayu.



13. *Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)* juga adalah suatu usaha untuk menarik minat orang Cina melibatkan diri dalam pertubuhan politik berhaluan kanan.
14. Melalui MCA, ramai orang Cina memberikan kerjasama serta membantu kerajaan untuk membanteras pihak komunis.
15. Usaha ini juga berjaya mengikis pandangan buruk penduduk tempatan bahawa semua orang Cina adalah komunis atau penyokong komunis.
16. Selain itu, kerajaan telah menggubal beberapa dasar untuk meraih sokongan orang bukan Melayu supaya memberi kerjasama kepada kerajaan untuk memerangi pihak komunis.
17. Antaranya, jawatan dalam *Perkhidmatan Awam Tanah Melayu* (MCS) yang sebelum ini dikhaskan kepada orang Melayu telah dibuka kepada orang bukan Melayu.
18. Mereka juga diberikan hak untuk memiliki tanah, menikmati kemudahan kesihatan dan pelajaran.
19. Seterusnya kerajaan telah melaksanakan Dasar *Pelajaran Kebangsaan* yang berorientasikan tempatan supaya dapat memupuk perasaan cinta terhadap tanah air dikalangan generasi muda negara.
20. Melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama juga diharapkan dapat memupuk persefahaman antara masyarakat berbilang kaum.



Pengukuhkan Minda

Membuka peluang mengisi jawatan dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS) kepada orang bukan Melayu.

Penduduk menghadapi kesukaran untuk bergerak dan memperoleh bekalan makanan akibat catuan makanan dan perintah berkurung.

Ramai yang terkorban, iaitu pasukan keselamatan, pengganas, komunis dan orang awam.

Hubungan sesama kaum semakin renggang terutamanya antara orang Melayu dan Cina.

Kesan darurat terhadap sosial

Penubuhan MCA untuk menjaga kebijikan masyarakat Cina dan menghalang mereka bekerjasama dengan komunis.

Kesimpulan

1. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menghapuskan ancaman pengganas komunis sejak darurat diisyiharkan di Tanah Melayu.
2. Pada peringkat awalnya, kerajaan berusaha bertungkus lumus untuk menangani ancaman komunis secara kekerasan tanpa melibatkan rakyat.
3. Setelah Perang Saraf dilancarkan, barulah kerajaan sedar betapa pentingnya **penglibatan rakyat** dalam menentang pengganas komunis.
4. Tanpa **sokongan rakyat**, pengganas komunis sukar dihapuskan hingga ke peringkat akar umbi.
5. Oleh itu, sebagai rakyat, kita perlu bersama-sama menunaikan tanggungjawab dalam membantu kerajaan untuk memulihkan **keamanan** dan **kesejahteraan**.
6. Peribahasa yang mengatakan '**bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat**' boleh dikaitkan kerjasama antara kerajaan dan rakyat melawan komunis.
7. Melalui **sokongan** dan **kerjasama** yang diberikan oleh rakyat, ramai pengganas dapat ditangkap atau dibunuh oleh pasukan keselamatan.
8. Akhirnya, pengganas komunis dapat **dihapuskan** dan keamanan di Tanah Melayu dapat ditegakkan.
9. Oleh itu, setiap warganegara Malaysia harus bersyukur kerana dapat menikmati kehidupan yang **aman** dan **damai** hasil pengorbanan generasi masa lalu.
10. Kita juga harus bersatu padu dan bersedia **melindungi kedaulatan ibu pertiwi** daripada sebarang ancaman sama ada oleh petualang di dalam atau di luar negara.